

Najib lafaz sumpah dalam mahkamah

BH- 3/2/2020 ml: 12

Dakwa tak pernah arah dana RM42j dipindah dalam akaun peribadi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak melafazkan sumpah dengan nama Allah di Mahkamah Tinggi semalam, bahawa beliau tidak pernah mengarahkan dana RM42 juta milik syarikat pelaburan strategik, SRC International Sdn Bhd, dipindahkan ke dalam akaun peribadinya.

Ahli Parlimen Pekan itu melafazkan sumpah dalam bahasa Arab ketika menjawab soalan peguam yang mewakilinya, Farhan Read, pada sesi pemeriksaan semula.

“Wallahi Wabillahi Watallahi,” kata Najib ketika menjelaskan penafian beliau berhubung dakwaan mengarahkan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC, Nik Faisal Ariff Kamil, memindahkan wang terbabit ke dalam akaun peribadinya.

Najib menegaskan tidak pernah mengarahkan Nik Faisal berbuat demikian, malah tiada bukti yang dapat mengesahkannya.

“Tidak ada bukti menunjukkan saya ada mengeluarkan arahan itu dan tidak ada saksi yang



Najib Razak

tampil memberikan keterangan mengenainya,” katanya.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan, turut mempertahankan keputusannya memecat Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin (ketika itu Timbalan Perdana Menteri) dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (ketika itu Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah) ketika timbul skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Najib berkata, Perdana Menteri sekarang (Tun Dr Mahathir Mohamad) juga pernah memecat ramai menteri.

Bekas Perdana Menteri itu demikian apabila Farhan menimbulkan persoalan mengenai isu pemecatan kedua-dua pemimpin terbabit ketika isu 1MDB hangat diperkatakan.

Najib mengulangi keterangan mereka dipecat bukan kerana bantahan dikemukakan berhubung cara skandal 1MDB dikendalikan, sebaliknya kerana mengutuk secara terbuka bagaimana isu itu ditangani.

“Jika anda menteri Kabinet,

SRC
SRC International Sdn. Bhd.

anda tertakluk kepada prinsip ‘tanggungjawab bersama’. Ia bukan bermakna anda tidak boleh membangkang, tetapi terhadap anda melalui prosiding di Kabinet.

“Perbincangan di Kabinet tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi (OSA), mereka dipecat kerana gagal mematuhi perkara ini.

“Cuba anda bayangkan bagaimana keadaan boleh bertukar kucar-kacir apabila Perdana Menteri cakap satu perkara, menteri bercanggah dengan apa yang Perdana Menteri katakan,” katanya.

Najib yang turut disoal mengenai wang SRC dalam akaun peribadinya berkata, adalah tidak masuk akal untuk mencadangkan beliau menyalurkan wang daripada Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD) ke dalam akaun peribadinya.

“Jika mahu menipu, mungkin saya manusia paling bodoh untuk meletakkan wang dalam akaun peribadi.

“Saya bukan paling bijak, tetapi saya tidak bodoh untuk memasukkan wang curi dalam akaun bank saya,” katanya.

Prosiding di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, bersambung hari ini.

Difahamkan, bekas Pegawai Perhubungan Ambank, Krystle Yap Wy-Sze akan dipanggil memberikan keterangan selaku saksi kedua pembelaan.

